

# PN ibarat telur di hujung tanduk

Sinar Harian - 14/6/2020 m/s: 4

PN dijangka jatuh sekiranya enam ahli Parlimen UMNO didapati bersalah di mahkamah

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY

## SHAH ALAM

**B**ekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad memramalkan kerajaan Perikatan Nasional (PN) yang dipimpin Tan Sri Muhyiddin Yassin akan jatuh sekiranya enam ahli Parlimen UMNO yang sedang menjalani perbicaraan didapati bersalah oleh mahkamah.

Dr Mahathir berkata, keenam-enam ahli Parlimen itu ialah Datuk Seri Najib Razak (Pekan), Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi (Bagan Datuk), Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor (Putrajaya), Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim (Baling), Datuk Seri Ahmad Maslan (Pontian) dan Datuk Seri Bung Moktar Radin (Kinabatangan).

Menurut Dr Mahathir, kedudukan kesemua pemimpin terlibat itu kini diibaratkan telur di hujung tanduk apabila mereka bakal kehilangan jawatan sebagai wakil rakyat, sekali gus akan mempengaruhi sokongan terhadap Muhyiddin.

“Sekarang jumlah wakil rakyat yang menyokong Muhyiddin hanya 114 orang iaitu tiga sahaja lebih daripada separuh (111 wakil rakyat).

“Jika enam orang ini didapati bersalah oleh mahkamah, mereka tidak lagi jadi wakil rakyat. Dengan itu penyokong Muhyiddin tinggal 108 iaitu kurang daripada separuh. Maka kerajaan Muhyiddin pun akan jatuh,” katanya menerusi Facebook beliau semalam.

Dr Mahathir bagaimanapun memberi bayangan bahawa enam pemimpin terbabit tidak akan didapati bersalah dengan mendakwa keputusan itu akan ditentukan oleh Muhyiddin.



DR MAHATHIR



NAJIB



AHMAD ZAHID



TENGGU ADNAN



AHMAD MASLAN



ABDUL AZEEZ



BUNG MOKTAR

“Kita sudah lihat bagaimana Riza Aziz dilepas dan (Tan Sri) Musa Aman juga sudah dilepas. “Sudah tentu enam orang ini juga akan didapati tidak bersalah. Maka selamatlah Muhyiddin. Dunia akan ketawa

melihat kerajaan pintu belakang ini putar undang-undang. “Yang salah tidak salah, yang benar salah. Yang menang kalah, yang kalah menang. Syabas. Normal baharu sudah dicipta,” katanya dalam catatan yang juga boleh dibaca di blog chedet.cc.